

16 MAY 1996

Akhbar-Seminar

TOKOH WARTAWAN INDIA SARAN KAJI SEMULA KEBEBASAN AKHBAR DI ASIA

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) - Kebebasan akhbar dan mutu profesionalisme di Asia perlu dikaji semula dengan segera untuk menyekat penguasaan media barat di rantau yang ekonominya berkembang paling pesat di dunia, satu seminar diberitahu hari ini.

Perunding Jabatan Pengarang akhbar Indian Express T.S.J. George berkata media di negara-negara maju yang yakin Asia sebagai pusat dunia pada masa akan datang telah mengambil langkah-langkah untuk mengekalkan pengaruh dan penguasaan mereka di rantau ini.

Beliau berkata Kumpulan Fairfax dari Australia baru sahaja melancarkan sebuah penerbitan berjudul "Asia Pacific Magazine" manakala media Britain pula akan melancarkan sebuah penerbitan bertajuk "Southeast Asia Monitor" dan majalah Time bercadang memindahkan ibu pejabat antarabangnya ke Asia.

"Inisiatif-inisiatif baru itu akan memantapkan lagi usaha yang telah dilakukan oleh International Herald Tribune dan Asian Wall Street Journal dan penerbitan lain dari Barat," katanya pada seminar mengenai Kebebasan Akhbar dan Tahap Profesionalisme di Asia, di sini.

George juga berkata beberapa syarikat terbesar dunia kini adalah syarikat-syarikat media dan mereka menguasai segala-galanya, daripada mengeluarkan bahan mentah kepada sistem penghantaran terakhir.

"Menjelang tahun 2000 antara lima dan 10 syarikat gergasi akan menguasai akhbar, majalah, buku, stesen penyiaran, saluran kabel dan syarikat rakaman yang terpenting di dunia.

"Syarikat-syarikat gergasi itu akan menentukan apa yang kita boleh baca, guna, tonton atau dengar," katanya.

Beliau berkata perkembangan terbaru itu bertujuan menguasai hati dan minda penduduk Asia dan mempengaruhi pendapat umum di rantau ini.

George berkata dalam usaha membendung gejala itu media Asia perlu mampu berdikari dan berani menghadapi asakan barat.

"Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerap kali dan dengan lantang dan berani menyelar Barat tetapi beliau bersendirian dalam hal ini.

"Dalam era yang serba agresif ini, kita tidak boleh bersendirian dan kita memerlukan sebuah Asia yang berani tetapi malangnya media di Asia tidak berdaya untuk memainkan peranan dalam bidang ini," katanya. --

BERNAMA

MT AKD